PERBADANAN SETIAUSAHA
KERAJAAN NEGERI PERAK

NOTIS KENYATAAN SEBUT HARGA
NOMBOR SEBUT HARGA: 8/2026

TAJUK SEBUT HARGA:
PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN, PENCUCIAN DAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP BAGI KOMPLEKS MENEMBAK DARUL RIDZUAN MILIK PERBADANAN SETIUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK DI KAMPUNG ULU CHEPOR, 31200 CHEMOR, PERAK BAGI TEMPOH 2 TAHUN

1.0 Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan syarat pendaftaran, kod bidang dan Bertaraf Bumiputera serta masih sah dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja perkhidmatan berikut:

BIL.	PENDAFTARAN DAN TARAF	SYARAT PENDAFTARAN & KOD BIDANG	TARIKH DAN HARGA DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN WAKTU TUTUP SEBUTHARGA
1.	Bertaraf Bumiputera	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan: Kod Bidang: 221001 221002	(4 November 2026 10.00 Pagi) hingga (5 November 2026 12.00 Tengah Hari) RM 100.00 Senaskah (Tunai Sahaja)	13 November 2026 (12.00 Tengah Hari)

2.0 Kontraktor adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri satu (1) sesi taklimat ringkas dan lawatan tapak yang akan diadakan pada ketetapan berikut:

BIL.	TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN MASA
1.	Kompleks Menembak Darul Ridzuan	30 Oktober 2026 (10.30 Pagi)

3.0 Dokumen Sebutharga boleh disemak dan diperoleh pada tarikh dan masa jualan yang dinyatakan di Pejabat Perbadanan ini. Hanya wakil – wakil kontraktor yang sah sahaja dibenarkan untuk membeli Dokumen Sebutharga dengan membawa satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Syarikat atau CIDB.

4.0 Sebarang pertanyaan lanjut mengenai tawaran ini boleh menghubungi Pejabat Perbadanan ini di talian **05 – 2531949** pada waktu pejabat **9 Pagi – 4.30 Petang** (Isnin hingga Jumaat kecuali Sabtu, Ahad dan Cuti Umum).

5.0 Dokumen Sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat dan ditulis Tajuk dan Nombor Sebutharga diatas sebelah kiri sampul serta dimasukkan ke dalam Peti Notis Sebutharga yang terletak di **PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK (SSI), MENARA SSI, TINGKAT 10, SOHO IPOH 2, JALAN SULTAN IDRIS SHAH, 30000 IPOH, PERAK.**

6.0 Perbadanan ini tidak terikat untuk menerima mana–mana tawaran sebutharga atau memberikan apa – apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebutharga.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
TARIKH IKLAN: 26 OKTOBER 2026